



## 250,000 MURTAD : MASIHKAH KITA INGIN BERDIAM DIRI?

Isu Lina Joy atau nama sebenarnya Azlina Jailani yang memohon murtad telah sekali lagi membuktikan bahawa aqidah umat Islam mudah terhakis di bawah undang-undang sekular. Lina, 42 tahun, yang dilahirkan dalam keluarga Melayu Muslim, telah memohon supaya perkataan “Islam” dibuang daripada kad pengenalannya. Walau pun permohonannya belum lagi diputuskan oleh mahkamah namun beliau telah pun menganut agama Kristian. Lina diwakili oleh 4 orang peguam bukan beragama Islam. Salah seorang peguam beliau, Datuk Dr. Cyrus Das, berhujah bahawa Lina mesti diberi hak dalam perlembagaan untuk memeluk agama yang dipilihnya. Menurut Das, mereka yang merangka Perlembagaan Persekutuan mahu Malaysia memerimapai undang-undang sekular dan bukan undang-undang Islam. Das menegaskan bahawa mahkamah sepatutnya menolak hujah yang mengatakan bahawa Islam mengatasi Perlembagaan. Peguam Kanan Persekutuan, Datuk Umi Kalthum Abdul Majid, berhujah bahwa jika Muslim dibenarkan mengisytiharkan diri mereka murtad, ia akan mendatangkan kesan negatif ke atas beberapa pihak.

Menurut laman web Malaysiakini.com bertarikh 8 Julai 2006, Mufti Perak Datuk Seri Harussani Zakaria mendakwa seramai 250,000 orang Islam di Malaysia termasuk seorang yang bergelar ‘ustazah’ telah murtad. Angka mengenai murtad itu diperolehi dari kajian sekumpulan profesional dan intelektual Melayu yang menjalankan kajian mengenai masalah ini pada tahun lepas. “Wanita bergelar ustazah itu mengetuai kumpulan ribuan mereka yang murtad ini,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri seminar “Dasar Aparteid Terhadap Wanita Islam di Malaysia: Satu Penilaian” di Kuala Lumpur. Pendedahan Harussani mengenai penyelewengan aqidah umat Islam di negara ini dilakukan selepas beliau mendakwa masyarakat Melayu membelanjakan RM1 bilion setahun untuk minum arak dan RM3 bilion lagi untuk berjudi. Beliau selanjutnya menegaskan bahawa terdapat masyarakat Amerika yang beranggapan umat Islam Malaysia adalah kalangan yang zalim kerana menyebabkan golongan murtad tidak sanggup mengaku secara terbuka sudah keluar dari Islam kerana bimbang dibunuh atau dipukul. Menurut Mufti Perak ini lagi, beliau juga menerima sepucuk surat dari Persatuan Mubaligh Kristian Amerika yang menuduh Pejabat Agama Islam di sini bersifat zalim kerana tidak membenarkan 30,000 orang Islam Melayu untuk masuk Kristian. Surat itu juga meminta Pejabat agama Islam supaya jangan mengganggu kerja-kerja seorang mubaligh di negara ini yang dikenali dengan nama ‘ustaz’ yang cuba mempengaruhi para remaja liar untuk murtad. Harussani juga memberitahu beliau telah menulis dua memorandum bertajuk “Ancaman-ancaman Terhadap Islam” kepada Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Majlis Raja-Raja pada April lepas bagi memaklumkan gejala murtad itu. Katanya berikutan itu satu arahan telah dikeluarkan kepada pihak berkuasa agama Islam untuk mengambil tindakan segera, bagaimana pun tiada tindakan susulan diambil kerana badan itu memberi alasan ia hanyalah satu maklumat tanpa bukti.

### Murtad : Isu Penting dan Utama

Masalah murtad di kalangan umat Islam tidak pernah reda. Perbincangan mengenainya pun tidak pernah mencapai noktah. Setiap kali isu ini timbul, emosi umat Islam akan bangkit. **Malangnya emosi tersebut tidak dipersatukan dengan fikrah (pemikiran) dan thariqah (method) Islam dalam menangani gejala ini. Tahu dan marah dengan apa yang berlaku, kemudian balik kerja, main bola, tengok TV dan masuk tidur. Islam hanya menjadi agama ritual (ibadat) dan tidak diambil untuk diperjuangkan. Wahai mereka yang mementingkan selimut! Bangkit dan berjuanglah! Islam memerlukan tenaga kalian.** Diutusnya Rasul adalah supaya manusia beriman kepada Allah dan tidak menyekutukan Allah dengan selainNya. Diturunkan Islam adalah supaya manusia masuk ke dalamnya dan tidak mengambil selainnya. Masuk ke dalamnya rahmat, keluar darinya celaka. Maka Allah jualah sebaik-baik penghukum bagi si celaka ini. *Thariqah* Islam

menyatakan bahawa keluarnya seseorang dari agama yang Allah redha ini, maka keluarlah ruh dari jasad. Keluarlah kepala dari badan. Allah Subhanahu wa Ta’ala menjanjikan syurga kepada penyembahNya dan yang berpaling tadah, nerakalah tempat kembalinya. Allah adalah sebaik-baik Pemberi khabar gembira dan sebaik-baik Pengancam. Bertaqwalah/Takutlah kalian kepada Allah wahai kaum Muslimin!

Kebencian kafir Barat kepada mereka yang menyembah Allah adalah amat melampau. Pelbagai usaha dilakukan namun tidak mendatangkan hasil lumayan, tetapi yang pasti upaya memurtadkan kaum Muslimin tidak pernah pudar dari benak mereka. Islam dituduh agama yang ‘ketat’ dan zalim, tidak memberi kebebasan. Slogan kebebasan dilaungkan di serata dunia dan dijaja dengan penuh keindahan. Hak Asasi Manusia diolah sedemikian rupa sehingga menjadi satu perjuangan yang suci lagi menyucikan. Umat Islam terkeliru dan terpukau. Ada yang

ingin membela Islam, namun meletakkan diri di kandang salah, membela Islam sebagai pihak yang tertuduh. Ada pula yang rosak dan busuk hatinya, terus menjadikan Barat sebagai *rasul* (ikutan), kerana inilah 'agama' baru yang lebih benar dari agama Allah. Inilah kebebasan yang benar, bebas sebeb-bebasnya. Inilah hak asasi bagi manusia!. Golongan sekular dan pemuja Barat seperti Sisters In Islam (SIS) menjadi tali barut musuh-musuh Allah dengan memperjuangkan habis-habisan hak untuk murtad sebagai sebahagian daripada Hak Asasi Manusia. SIS pernah mengatakan "*isu Kerajaan Langit menunjukkan bahawa pihak berkuasa agama menggunakan sumber kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan untuk menghukum Ayah Pin dan pengikutnya. Ini berlaku sungguhpun kebebasan memilih agama diterangkan dengan jelas di dalam Al Quran dan juga termaktub di dalam Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan dan Perkara 18, Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia (Article 18 of the Universal Declaration of Human Rights)*"

([www.sistersinislam.org.my/PressStatement/27072005.htm](http://www.sistersinislam.org.my/PressStatement/27072005.htm))

Ini hanyalah secebis dari perkataan mereka yang ingin memadamkan cahaya Allah. Banyak lagi perkataan-perkataan seumpama ini yang sentiasa kedengaran dari 'kekasih-kekasih' Barat seperti ini. Setiap kali isu murtad muncul, maka mereka akan menzahirkan perjuangan mereka di dalam membela orang-orang murtad ini. Kenapakah kata-kata jijik ini dibenarkan berlegar di udara? Tak lain tak bukan kerana amalan kebebasan bersuara yang diamalkan pada hari ini. Ya, kebebasan bersuara yang membiarkan suara-suara kufur dialunkan tetapi menghalang suara-suara *haq* dari berkumandang. Suara untuk mengajak kembali kepada hukum-hukum Islam, kepada Daulah Khilafah Islamiyyah dan seumpamanya adalah suara-suara yang merbahaya tetapi seruan kepada kemurtadan adalah suara-suara yang mulia. Inilah hakikat Hak Asasi Manusia yang dilontarkan oleh Barat dan 'disambut baik' oleh pemuja-pemuja mereka dari kalangan kaum Muslimin.

Inilah barah sekularisme yang ada di dalam tubuh umat Islam, yang memisahkan agama dari kehidupan. Pembuatan undang-undang adalah di tangan manusia, bukan di tangan Allah. Manusia telah mengambil hak Allah sebagai *Asy-Syari'* (pembuat undang-undang). Undang-undang ciptaan manusia yang ada sekarang langsung tidak membuatkan orang gentar atau takut untuk murtad, malah peruntukannya 'semacam' membenarkan aktiviti sesat ini. Malaysia menganggap bahawa dadah adalah musuh utama sehingga hukuman mati mandatori dikenakan kepada pengedar dadah. Tiada kompromi tentangnya. Sebaliknya, kes murtad tidak dianggap isu utama dan orang yang murtad boleh lepas bebas. Jika hukuman mati-lah yang dicadangkan, maka Hak Asasi Manusia akan diambil kira dan wajib diutamakan!! Mesti berkompromi. Inilah apa yang berlaku dan inilah hakikat mereka yang berpegang teguh dengan sekularisme.

## Hukum Murtad Menurut Islam

Apabila seseorang keluar daripada Islam sedangkan ia baligh dan berakal maka ia diajak untuk kembali kepada Islam hingga tiga kali disertai peringatan. Jika ia kembali setelah itu maka akan diterima dan jika menolak maka akan dibunuh, sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Ta'ala,

*"Barangsiapa yang murtad di antara kamu dari agamanya, lalu dia mati dalam kekafiran, maka mereka itulah yang sia-sia amalannya di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya."* [TMQ Al-Baqarah:217]

Hadis Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa Sallam pula mensabitkan hukuman kepada orang yang murtad. Imam Bukhari telah meriwayatkan dari Ikrimah yang berkata, "*Dihadapkan kepada Amirul Mukminin 'Ali karamAllahu wajhah orang-orang zindiq, lalu beliau membakar mereka. Maka berita itu disampaikan kepada Ibnu Abbas dan beliau berkata 'Seandainya aku, tidaklah aku bakar mereka kerana larangan Nabi Salallahu 'alaihi wa Sallam yang bersabda "Jangan kamu menyiksa dengan siksaan Allah". Akan tetapi pasti akan aku bunuh mereka kerana sabda Rasulullah Salallahu 'alaihi wa Sallam "Barangsiapa yang menukar agamanya, hendaklah kamu bunuh akan dia"*"

Dalam riwayat **Imam Ahmad** disebutkan, "*Allah dan RasulNya telah menetapkan, bahawa orang yang murtad dari agamanya maka dia mesti dibunuh."*

Banyak lagi hadis yang seumpama ini yang menunjukkan dengan jelas bahawa hukuman bagi orang-orang yang murtad adalah dibunuh. Mereka tidak dibakar. Ini disebabkan adanya larangan dari Rasulullah untuk mengazab seseorang dengan azab Allah, iaitu api (dibakar). Selain itu, keumuman hadis, "*Barangsiapa murtad maka bunuhlah ia*", menunjukkan bahawa hukum bagi mereka yang murtad adalah dibunuh. Sedangkan apa yang diperbuat oleh Ali radhiAllahu 'anhu. tidak boleh dijadikan dalil, sebab yang menjadi pegangan kita di sini ialah perkataan Rasulullah, bukannya perbuatan Ali. Apa yang dilakukan oleh Ali adalah berdasarkan ijthadnya yang mungkin pada waktu itu dibuat sebelum beliau mendengar hadis yang melarang mengazab seseorang dengan azab Allah (*membakar*).

Berkaitan pembahasan orang yang murtad dianjurkan untuk bertaubat dalam tempoh tiga hari adalah berdasarkan hadis dari Marwan, bahawa Rasulullah Salallahu 'alaihi wa Sallam memerintahkan agar menasihati orang yang murtad. Abu Bakar juga pernah melakukan hal seperti ini. Daruquthniy dan Baihaqiyy mengeluarkan hadis, "*Bahawa Abu Bakar radhiAllahu 'anhu menganjurkan wanita yang murtad untuk bertaubat. Wanita itu bernama Ummu Qurfah, di mana dia kafir setelah masuk Islam. Wanita itu tidak mahu bertaubat, sehingga beliau (Abu Bakar) membunuh wanita itu."*

Anjuran taubat selama tiga hari, bukanlah *qayyid* (batasan). Tiga hari adalah batas minima yang umumnya memungkinkan terjadinya insaf. Jika dalam tempoh itu masih juga tidak mahu insaf, maka tempoh itu boleh dilanjutkan (oleh Qadhi). Sebab, maksud dari anjuran bertaubat adalah menyedarkan dia tentang Islam, dan supaya dia kembali kepada Islam sehingga dia mesti diberikan masa yang mencukupi untuk bertaubat. Diriwayatkan bahawa Abu Musa memberi kesempatan bertaubat seorang yang murtad di mana kemudian Mu'az memerintahkan untuk membunuhnya. Kemudian Abu Musa membunuh orang murtad tersebut, setelah memberi kesempatan taubat selama dua bulan sebelum kedatangan Mu'az. Walaubagaimanapun, taubat hanya diterima jika dia tidak mengulangi kemurtadannya. Jika ternyata dia mengulanginya, maka taubatnya tidak diterima dan dia mesti dibunuh segera tanpa diberi tempoh lagi (tidak dikira lagi samada dia bertaubat atau tidak).


Diriwayatkan oleh Asyram dari Thibyana bin Umarah, "Bahawa seorang lelaki dari Bani Saad melintas ke Masjid Bani Hanifah, sedangkan mereka sedang membaca sajak Musailamah al Kadzab. Kemudian lelaki itu pergi kepada Ibn Mas'ud dan menceritakan kejadian itu. Kemudian mereka didatangi dan mereka disuruh bertaubat. Semuanya telah meninggalkan jalan keyakinan mereka kecuali seorang lelaki, di mana Ibn Nuwahah berkata kepadanya, "Sungguh aku melihat engkau satu kali, dan aku menduga engkau telah bertaubat, dan aku melihatmu mengulangi lagi perbuatanmu itu. Maka lelaki tersebut dibunuh."

Seperkara yang perlu diperhatikan ialah dari segi pelaksanaan hukum di mana mereka yang dibenarkan untuk membunuh orang murtad adalah negara (pemerintah) atau orang yang ditugaskan oleh negara (Qadhi). Mana-mana individu atau jemaah tidak boleh melakukannya. Tugas individu atau jemaah hanyalah


sebatas memberi peringatan, ancaman dan memuhasabah pemerintah yang tidak menerapkan hukum Islam. Malah wajib ke atas mana-mana individu atau jemaah meluruskan pemerintah dalam kes ini. Individu atau jemaah juga boleh berdakwah kepada mereka yang murtad agar kembali kepada Islam dan jika mereka berdegil, urusan mereka dikembalikan kepada pemerintah (untuk dihukumi).

### Menjawab Kebohongan dan Pengeliruan

Di dalam mempertahankan perjuangan mereka, golongan sokong-murtad ini telah mengelirukan umat Islam dengan tafsiran ayat "tidak ada paksaan dalam agama..." [TMQ al-Baqarah:256]. Mereka mengatakan bahawa orang Islam boleh keluar dari Islam berdasarkan ayat ini. Kesalahan mereka amat jelas dan ketara di mana ayat yang mulia ini sebenarnya menerangkan tidak ada paksaan ke atas orang kafir untuk memeluk Islam, bukan sebaliknya. Jadi meskipun wajib bagi orang kafir untuk masuk Islam (lihat Ali-Imran:3,19,85), mereka hendaklah memeluk Islam atas kerelaan dan kesedaran sendiri dan bukan kerana ada paksaan.



Rajah 1: Sanad hadis yang diserang – dakwaan ke atas satu dari periwayat.



Rajah 2 : 16 sanad Hadis tentang hukum bunuh bila tukar agama.

Mereka juga berhujah mengatakan bahawa hadis “*Barangsiapa menukar agamanya maka bunuhlah dia*” sebagai Hadis *Dha’if* (lemah), kerana terdapat Muhammad bin Al-Fadhal di dalam sanadnya. Sebenarnya Muhammad bin Al-Fadhal diterima oleh ahli hadis, sehinggalah penghujung umur beliau. Imam Bukhari berkomentar bahawa dia adalah *tsiqah* (dipercayai) dan hadis ini diambil semasa *ketsiqahannya* tetapi dia “berubah-ubah di penghujung umurnya”. Kebohongan golongan sokong-murtad ini jelas di mana mereka sebenarnya tidak mengkaji hadis ini dengan sempurna. Terdapat hadis yang sama diriwayatkan oleh periwayat hadis yang lain melalui 16 sanad (3 sanad yang berulang dan 12 sanad yang tidak terdapat Muhammad bin Al-Fadhal di dalamnya). Yang mereka ketengahkan hanyalah satu sanad sahaja yang dikatakan tidak sahih kerana adanya Muhammad bin Al-Fadhal walhal terdapat sanad yang lain yang langsung tidak mengandungi kecacatan di dalamnya, namun ini tidak pernah diperbincangkan oleh golongan sokong-murtad ini (*lihat Rajah 1 dan 2 di mukasurat 3*).

Terdapat banyak lagi pengeliruan dan kebohongan nas-nas yang dilakukan di dalam membolehkan murtad ini. Golongan ini sememangnya ‘kreatif’ di dalam mencari nas demi merubah hukum Allah. Disebabkan keterbatasan ruang, kami tidak dapat memasukkan semua hujah-hujah palsu mereka untuk dijawab dan dibuktikan kebatilannya. InsyaAllah di lain waktu akan diperbincangkan.

### Khatimah

Slogan Hak Asasi Manusia yang dilaungkan oleh kafir Barat telah betul-betul dimanfaatkan oleh mereka untuk menguasai negara umat Islam dan meluaskan cengkaman mereka ke atas kita. Selain dari menjajah umat Islam dari segi ketenteraan, politik, ekonomi, pemikiran dan kebudayaan, musuh-musuh Allah ini juga tidak pernah putus asa berusaha mengeluarkan kaum Muslimin dari agama Islam. Allah Subhanahu wa Ta’ala mengingatkan kita,

*“Mereka tidak henti-hentinya memerangi kamu sampai mereka (dapat) mengembalikan kamu dari agamamu (kepada kekafiran), seandainya mereka sanggup. Barangsiapa yang murtad di antara kamu dari agamanya, lalu dia mati dalam kekafiran, maka mereka itulah yang sia-sia amalannya di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya” [TMQ al Baqarah:217].*

Wahai kaum Muslimin! Kita semua tahu bahawa salah satu tujuan luhur Islam dalam menjaga masyarakat (yang disebut sebagai *maqasid syar’iyyah*) adalah ‘menjaga agama/aqidah’. Allah sekali-kali tidak memberi hak dan

keizinan ke atas manusia untuk menyekutukanNya atau tidak mempercayai kewujudanNya (atheist). Allah Subhanahu wa Ta’ala menjaga agamaNya melalui hukum bunuh ke atas orang-orang yang telah menukar kepercayaan (murtad) ini. Dan orang yang dibebankan oleh Allah untuk melaksanakan hukuman ini tidak lain tidak bukan adalah pemerintah. Wajib ke atas pemerintah menjaga agama Allah dengan menerapkan sistem yang datang dari Allah, bukan menerapkan hukum mengikut kehendak sendiri, kehendak manusia lain, apatah lagi kehendak musuh-musuh Allah (kafir Barat). Kita selalu berdoa dan mengharapakan supaya Allah menjadikan orang-orang yang bertaqwa/takut (kepada Allah) sebagai pemimpin kita, bukan pemimpin yang ‘bertaqwa’ kepada Barat. Hanya pemimpin yang bertaqwa kepada Allah sahajalah yang akan menyelamatkan umat ini dari kehancuran.

Rasulullah dan para khulafa’ telah berjaya mengIslamkan umat manusia. Mereka benar-benar menjaga aqidah umat yang telah memeluk Deenul haq ini. Penerapan hukum bunuh ke atas si murtad telah berjaya menjaga kesucian dan kebenaran agama Allah ini. Sudah lama kita mengharapakan perkara yang sama dilakukan oleh para pemerintah, tetapi harapan tinggal harapan. Undang-undang yang ada sekarang adalah hasil ciptaan manusia dan telah terbukti gagal menangani masalah ini. Undang-undang aqal yang lahir dari sistem demokrasi ini tidak pernah berjaya dan ia akan terus gagal dan gagal. Tidakkah kalian sedar wahai kaum Muslimin? Tidakkah kita semua rindu akan kehidupan di mana Sistem Allah diterapkan di dalamnya? InsyaAllah kerinduan kita ini akan terubat bilamana kita menyaksikan Daulah Khilafah sekali lagi memayungi dunia.

Tetapi kita tidak boleh menanti wahai saudaraku, kita wajib berjuang untuk mendirikannya sebagaimana perjuangan Rasulullah semasa di Makkah dahulu sehingga tertegaknya Daulah Islamiyyah di Madinah. Perjuangan merubah pemikiran-pemikiran kufur yang ada pada umat untuk digantikan dengan pemikiran-pemikiran Islam yang berasal dari wahyu, bukan yang datang dari sistem demokrasi-sekular. Hukum bunuh ke atas orang-orang murtad akan kembali diterapkan bilamana Daulah Khilafah memerintah dunia nanti. Wahai kaum Muslimin, kekallah kalian di dalam agama ini dan patuhilah segala perintah Allah. Ingatlah! Haram untuk kita mati di dalam keadaan tidak tunduk patuh kepada Allah dengan sebenar-benarnya.

*“Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dengan sebenar-benar takwa kepada-Nya, dan janganlah sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Muslim” . [TMQ Ali-Imran:102]*